

Headline	Peluang sertai Simposium Buluh ASEAN		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,784
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,352



Peluang sertai Simposium Buluh ASEAN

Industri buluh serta usahawan tempatan yang berminat meneroka peluang dalam bidang perladangan buluh atau pembuatan produk berasaskan buluh tidak sepatutnya melepaskan peluang menyertai Simposium Buluh Asean (ABS2016) pada hujung bulan ini.

Menurut kenyataan Unit Komunikasi Korporat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), simposium tersebut bakal menghimpunkan pakar, penyelidik, pembuat keputusan dan usahawan tempatan serta antarabangsa dari pelbagai negara.

“Negara terlibat adalah Belanda, Kanada, China, India, Indonesia dan Filipina untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta membincangkan isu terkini, hasil penyelidikan, teknologi dan inovasi baharu,” katanya.

Pelbagai cabaran dan hala tuju yang berkaitan dengan perladangan, pengeluaran, pemasaran serta komuniti buluh akan dibincangkan pada simposium itu nanti.

Simposium tersebut juga akan menyediakan platform bagi perkongsian maklumat berkenaan dengan amalan-amalan terbaik dunia dalam industri buluh.

Justeru, adalah diharapkan hasil perbincangan di ABS 2016 akan memanfaatkan Malaysia serta negara rantau Asean lain dalam pembangunan industri berasaskan buluh di samping usaha memulihara alam sekitar.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd. Latif Mohmod akan menyampaikan ucapan plenari bertajuk *Buluh Sebagai Komoditi: Impian atau Realiti?*.

Dalam masa yang sama, pelbagai hasil penyelidikan serta produk berasaskan buluh akan dipamerkan oleh 15 syarikat tempatan dan dua syarikat Indonesia sepanjang simposium itu nanti.

ABS 2016 dianjurkan bersama oleh FRIM, Universiti Teknologi


MARA (UiTM), Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB), Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (Pusaka).

Penganjur menasaskan sebanyak 200 peserta dan setakat ini, 100 telah mendaftar untuk penyertaan.

Untuk sebarang bantuan atau maklumat lanjut, mereka yang berminat boleh menghubungi Pegawai Media FRIM, Toh An Nee di talian 03-6279 7577. Mereka juga boleh menghubungi beliau annee@frim.gov.my atau layari: <http://abs2016.uitm.edu.my/>.

Untuk pendaftaran, mereka boleh menghubungi Dr Siti Rafedah Abdul Karim di talian 03-55211339 atau srafidah@salam.uitm.edu.my / srafidah3166@yahoo.com

Pegawai lain yang boleh dihubungi adalah Yanti Abdul Kadir (03-62797382 / yanti@frim.gov.my) atau Hairul Amani (03-55436572 / hairulamani@gmail.com).



BULUH telah menjadi komoditi yang semakin bernilai tinggi dan sangat berguna.